KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	JPSM			

Potongan cukai kepada penyumbang program penghijauan Malaysia

KUALA LUMPUR - Pihak yang menyalurkan sumbangan kepada Yayasan Hijau Malaysia bagi Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok berpeluang mendapat potongan cukai, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Beliau berkata, potongan cukai itu ditawarkan di bawah Seksyen 44 (11 C), Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan potongan sebanyak tujuh peratus bagi individu dan 10 peratus daripada jumlah pendapatan agregat tahunan bagi syarikat.

"Yayasan Hijau Malaysia memainkan peranan penting dan memberi galakan kepada orang awam dengan pelepasan cukai ini," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini bagi menjawab soalan tambahan Steven Choong Shiau Yoon (**Bebas-Tebrau**) mengenai agensi paling aktif dalam program tersebut.

Takiyuddin berkata, selain Yayasan Hijau Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung serta beberapa badan bukan kerajaan (NGO) juga terlibat secara aktif dalam Program Penghijauan Malaysia itu.

Sementara itu, beliau memaklumkan sehingga kini, sebanyak 23,746,874 pokok ditanam di seluruh negara melalui program itu dan jumlah spesies bernilai dalam kategori *Critically Endagered, Endangered, Vulnerable* dan *Near Threatened* adalah sebanyak 6,451,142 merangkumi 322 spesies.

Beliau juga berkata, sebanyak 4,139 orang menggunakan aplikasi mudah alih 'Penghijauan Malaysia' sehingga 22 November lepas.

Menurutnya, selain aplikasi itu, laman web khas juga boleh dicapai melalui pautan *www.100jutapokok.gov.my* oleh semua agensi kerajaan, swasta dan orang awam bagi merekodkan data penanaman pokok sama ada mewakili agensi mahupun individu.

"Sistem pengoperasian 'Penghijauan Malaysia' tidak mengklasifikasikan data dari kawasan luar bandar dan bandar. Bagaimanapun, data itu diklasifikasi mengikut negeri, agensi atau individu penanam dan jenis pokok," katanya.

Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dilancarkan pada 5 Januari lepas secara serentak di seluruh negara. - *Bernama*

SH 25.11.2021_5